

11/10/1997

Menangkis pembbohongan media Barat

APA lagi pembbohongan yang agaknya akan disebarakan media Barat mengenai negara ini terutama mengenai pemimpin kita. Beberapa majalah antarabangsa secara terbuka menyarankan Datuk Seri Dr Mahathir meletakkan jawatannya. Sebuah majalah Amerika melaporkan kononnya Dr Mahathir dipersalahkan oleh rakyat kerana tidak cekap mengurus ekonomi Malaysia dan beliau sudah tidak lagi dapat memahami soal ekonomi pada masa kini. Ada pula yang membayangkan perselisihan antara beliau dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tujuan di sebalik kempen pembbohongan itu adalah untuk menjejaskan keyakinan dunia terhadap kestabilan negara ini di samping menimbulkan kesangsian dan keraguan rakyat Malaysia terhadap kepemimpinan negara untuk mengatasi kemelut ekonomi sekarang.

Sehubungan itu, kita berasa sikap pemimpin negara secara terbuka pula mendedahkan kempen fitnah itu dan secara tegas menangkis pembbohongan itu.

Kita gembira dengan ikrar perwakilan usahawan Malaysia yang mengiringi Perdana Menteri melawat negara Caribbean dan di Amerika Latin, menyokong usaha kerajaan menentang manipulasi mata wang ringgit dan pasaran saham kita. Harapan kita ialah ikrar itu disokong golongan usahawan lain yang sesetengahnya dikatakan dalam keadaan tidak menentu menghadapi kemelut nilai ringgit ini. Itulah sebabnya Dr Mahathir menasihatkan usahawan jangan gelabah melainkan meningkatkan daya tahan diri serta memantapkan disiplin bersama kerajaan menangani krisis ekonomi negara.

Sesetengah rakyat agak bimbang jika Dr Mahathir terus mengecam manipulator asing yang menyebabkan nilai ringgit jatuh begitu teruk, kemelut kita akan lebih tenat lagi. Sebaliknya jika kita tidak mengecam petualang asing itu, nilai ringgit kita akan pulih dan krisis kewangan berakhir.

Tetapi bagaimana pula halnya dengan Thailand. Kerajaan Thailand adalah sahabat karib Amerika. Kerana itu tidak ada sebab petualang asing itu menyerang nilai baht. Indonesia jarang mengkritik Amerika tetapi rupiah juga jatuh. Fidel Ramos pun sahabat akrab Amerika tetapi nilai peso merosot.

Kempen media asing sekarang bukan satu fenomena baru. Dr Mahathir memang tidak digemari media Barat. Setiap kesempatan mereka pergunakan untuk mencaci, mencemuh dan mengkritik beliau. Kejatuhan nilai ringgit dan kemelut kewangan baru-baru ini adalah kesempatan paling baik untuk mereka melepaskan geram kepada Dr Mahathir.

Tidak saja Dr Mahathir dan Malaysia menjadi sasaran tetapi negara Asean tanpa kecuali. Di manakah hilangnya `naga kecil' Asean sekarang? Media Barat berkokok tanpa menyembunyikan gembira mereka terhadap kemelut ekonomi itu.

Malaysia yang digembar-gemburkan sebagai satu-satunya negara pesat membangun tiba-tiba menghidap penyakit sawan, demikian Barat bersorak. Sudah tentu mereka menghubungkan kemelut itu kepada Dr Mahathir yang memang selamanya menjadi sasaran prejudis mereka.

Sebenarnya negara kita pernah mengalami krisis ekonomi pada masa lalu. Kita bukan hidup makmur dan mewah sepanjang masa. Ada waktunya negara melalui masa kesempitan ekonomi. Dr Mahathir menjelaskan kepada wartawan Malaysia di Uruguay apabila terjadi kenaikan harga minyak petroleum pada 1973 hingga dua kali ganda, ekonomi negara bergerak perlahan dengan inflasi meningkat 17 peratus. Tetapi krisis itu cepat diatasi. Demikian

juga manakala terjadi krisis pasaran hartanah pada 1985/86, ramai rakyat muflis tetapi krisis itu dapat diatasi.

Kita tentu ingat betapa pada masa itu Dr Mahathir tidak saja menghadapi krisis ekonomi tetapi krisis politik yang tenat akibat perpecahan dalam partinya. Beliau tidak saja dikecam oleh lawan politiknya sebagai seorang pemimpin yang bersikap kuku besi tetapi juga sebagai seorang Perdana Menteri yang tidak mempunyai pengalaman dan ilmu menangani ekonomi negara.

Dr Mahathir membawa negara ke arah satu era pembangunan ekonomi yang dinamik dan maju. Kita tidak menafikan kemelut ekonomi sekarang tidak serius. Dr Mahathir sendiri mengakui kekacauan pasaran kewangan Malaysia mengakibatkan kita ke belakang 10 tahun dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri pada tahun 2020. Sepuluh tahun lalu, pendapatan per kapita kita ialah AS\$4,000. Sekarang pendapatan per kapita kita ialah AS\$5,000. Tetapi dengan kemelut kewangan baru-baru ini, pendapatan per kapita merosot kepada AS\$4,000. Untuk pulih semula, kita tidak harus gelabah, sebaliknya perlu memantapkan disiplin dan meningkatkan jati diri. Asas ekonomi atau 'fundamentals' kita kukuh. Pimpinan negara mantap dan keadaan politik stabil, sedangkan syarikat masih meraih keuntungan tinggi. Dalam pada itu, Asean tetap menjadi pasaran yang luas dengan potensinya untuk terus berperanan sebagai pusat pertumbuhan pesat masih tidak terjejas.

(END)